



Ulādāh MAIPk

PERCUMA

EDISI PERTAMA 2018 | BIL. KE-27

مجلیس ائمہ اسلام
دان عادت ملايو فی را



Majlis Pelancaran Gerakan Kesedaran Hibah

PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN | 2



MAJLIS
PENGURNIAAN
WATIKAH
AHLI MAJLIS AGAMA
ISLAM DAN 'ADAT
MELAYU PERAK

| 6



**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**MAJLIS PELANCARAN GERAKAN KESEDARAN HIBAH
PERINGKAT NEGERI PERAK.**

TARIKH: 13 JAMADILAKHIR 1439 / 1 MAC 2018 (KHAMIS)

JAM: 10.00 PAGI

TEMPAT: DEWAN BANKUET, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN, IPOH.

Semasa bertitah di dalam Majlis Pengurniaan Watikah ahli-ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) pada 16 Rabiulakhir, bersamaan 4 Januari yang lalu, Beta telah menzahirkan kebimbangan apabila disembah maklum, bahawa majoriti nilai harta pusaka yang terbeku, dan belum diwariskan, ialah milik umat Islam. Beta telah menitahkan agar MAIPk menggerakkan langkah aktif, membantu menangani masalah yang sedang dihadapi, bermula dengan memperkenalkan pendekatan *preventive*, iaitu kaedah pencegahan, agar masalah ini dapat dibendung daripada terus membesar. Alhamdulillah, susulan daripada titah tersebut, MAIPk menganjurkan Majlis Pelancaran Gerakan Kesedaran Hibah peringkat negeri Perak Darul Ridzuan.

2. Dianggarkan 60 bilion nilai harta pusaka di Malaysia, berbentuk tanah dan rumah, sementara 6.6 bilion ringgit yang berada di dalam akaun bank dan insurans terbeku, belum diwariskan dan belum dituntut;¹ setelah berlakunya kematian pemilik aset. Keadaan pembekuan harta ini berlaku, terutamanya kepada harta umat Islam disebabkan faktor-faktor berikut:-

- | | |
|----------|--|
| Pertama: | masalah faraid selepas kematian pemilik harta. |
| Kedua: | urusian tuntutan pusaka yang tidak difahami oleh waris. |
| Ketiga: | tiada inisiatif daripada waris untuk memulakan prosiding tuntutan. |
| Keempat: | perbalahan berpanjangan di kalangan waris, dan berlaku dalam beberapa kes, apabila muncul secara mengejut, tuntutan daripada keluarga kedua, malah ada kalanya keluarga ketiga atau keempat disebabkan semasa hidup, pemilik harta merahsiakan bilangan sebenar wanita yang dikahwini. |
| Kelima: | ketidakaksian waris mendahului perbelanjaan untuk membiayai kos prosiding atau guaman, apatah lagi jika nilai pusaka tidak besar tetapi melibatkan agihan kepada bilangan waris yang ramai. |

¹ Dipetik pada 28 Januari 2016 daripada, <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/harta-pusaka-orang-isla-tidak-dituntut-rm60-bilion-1394655#ixzz55coPJ8f7> bertarikh 14 Oktober 2016.



Keenam:

proses birokrasi yang memakan masa yang lama, menjadi bertambah rumit dan kumulatif, apabila berlaku pula pertindihan kematian, sedangkan urusan memproses agihan masih belum selesai.

3. Harta bukan diperoleh secara pipis datang melayang – harta tidak dimiliki secara bulat datang bergolek. Harta yang diperoleh dan dimiliki adalah dengan penat jerih yang diusahakan sepanjang hayat oleh pemilik harta, mengorbankan keperluan hari ini untuk persediaan memenuhi keperluan hari esok; melalui simpanan, tabungan, pelaburan, pinjaman dan berbagai usaha lagi. Amatlah malang, setelah pemilik harta meninggal dunia, harta tersebut yang bertaraf pusaka, ditinggalkan terbeku, tidak boleh digunakan sebagai faktor pengeluaran yang dapat memberikan pulangan hasil. Senario ini, merupakan satu kerugian kepada waris, dan apabila terkumpul menjadi jumlah yang begitu besar, adalah satu kerugian amat besar kepada umat Islam.

4. Ada kalanya harta yang ditinggalkan, beralih daripada status aset menjadi liabiliti kepada pelbagai pihak, antaranya disebabkan pinjaman atau hutang yang belum diselesaikan, cukai yang tersangkut, dokumen hak milik dijadikan cagaran atau dokumen hak milik tidak dapat dikesan kerana tempat disimpan, hanya diketahui oleh si mati. Harta berbentuk rumah seringkali terbiar usang, harta berbentuk tanah kebun seringkali menjadi belukar. Rumah usang yang ditinggalkan dan tanah kebun yang menjadi belukar, ada yang menjadi tempat biawak, musang dan ular bersarang, serta tempat membiaknya tikus, nyamuk dan unggas; menjadi liabiliti kepada jiran tetangga, di samping kerajaan pula tidak memperoleh sebarang hasil cukai. Selagi urusan harta tidak diselesaikan, rungutan waris dan rungutan jiran tetangga, mungkin menjadi satu tanggungjawab dunia yang mengheret nama si mati, yang telah berada di alam barzakh.

5. Islam adalah agama yang syumul, bersifat menyeluruh lagi sempurna, agama yang menggariskan pelbagai panduan, merangkumi pelbagai dimensi untuk menangani keperluan dan masalah ummah. Bidang muamalat merupakan salah satu aspek penting yang diberi penekanan dalam memastikan manusia dapat mengalami kehidupan yang sejahtera ketika di dunia, di samping menabung bekalan untuk melalui era akhirat. Manusia dipertanggungjawabkan untuk mencari harta agar dapat menuai kewajipan nafkah, dan manusia turut digalakkan untuk memiliki serta menjaga harta miliknya, sehingga harta tersebut dapat diperuntukkan kepada mereka yang memerlukan, diagharkan dalam bentuk zakat, wakaf, dihadiahkan semasa hidup dalam bentuk hibah, atau ditinggalkan sebagai pusaka setelah mati, agar dapat memberi manfaat kepada ahli keluarga yang ditinggalkan.

6. Majoriti umat Islam, ketara bukan sahaja kurang memberi perhatian, malah kurang pengetahuan tentang urusan pembahagian harta pusaka. Akibatnya, harta yang ditinggalkan mencetuskan masalah setelah pemilik harta meninggal dunia. Selain daripada hukum faraid, hibah ialah satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah pembahagian harta.

7. Hibah merupakan salah satu cabang muamalat, 'akad tabaruk' antara dua pihak, iaitu, proses memindah milik sesuatu harta tanpa sebarang balasan;² merupakan satu pemberian kepada seseorang untuk memuliakannya dengan sesuatu tujuan. Harta yang dihibah, dapat dijana dengan lebih pantas berbanding harta yang ditinggalkan berbentuk pusaka. Islam menggalakkan amalan hibah, terutama kepada anggota keluarga terdekat seperti maksud yang terkandung dalam ayat 177, Surah Al-Baqarah:

"Bukanlah suatu kebijakan itu kamu menghadapkan muka ke Timur dan Barat, tetapi kebijakan itu ialah berimannya seseorang kepada ALLAH, dan hari akhirat, segala Malaikat, segala kitab, sekalian Nabi; dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang musafir, orang yang meminta-minta....."³

8. Amalan hibah memberi manfaat terutamanya dalam menyelesaikan beberapa pertikaian berkaitan harta pusaka. Hibah memudahkan urusan perpindahan milik. Hibah hendaklah dilihat sebagai salah satu kaedah pelengkap kepada sistem pengurusan pengagihan harta. Hibah membolehkan seseorang Islam menetapkan agihan hartanya ketika dia masih hidup, yang dapat menghindarkan daripada berlakunya perbalahan di kalangan waris selepas kematian. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda kepada Sa'ad ibnu Abi Waqas yang bermaksud:

"Sesungguhnya kamu meninggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin dan meminta-minta kepada manusia."⁴

² Ameer Azeezy, "Kedudukan Produk Hibah Dalam Pasaran di Malaysia", dalam *Jurnal ILIM* Bil 2, 2009, (Bangi: ILIM,2009), 88.

³ Al-Quran, Al-Baqarah (2:177)

⁴ Muttafaqun 'Alaih.

9. Gerakan Kesedaran Hibah yang dilancarkan pada hari ini akan dilaksanakan di seluruh negeri Perak bagi memenuhi lima matlamat utama:

- Pertama: memperkenal dan menyedarkan umat Islam mengenai hibah.
- Kedua: menghindar atau meminimumkan umat Islam daripada menghadapi masalah agihan harta pusaka selepas kematian pemilik harta.
- Ketiga: membantu agar harta pusaka dapat diagih dengan cepat dan tepat supaya boleh segera digunakan oleh penerima untuk menjana kegiatan ekonomi.
- Keempat: membimbang dan menggalakkan umat Islam melakukan hibah ketika masih hidup.
- Kelima: membantu memperkenal platform mengenai urusan menyediakan dokumen hibah melalui perkhidmatan profesional.

10. Usaha memberi penerangan memperkenalkan hibah, hendaklah diperluaskan ke semua daerah dan jajahan di negeri Perak, hingga sampai ke mukim dan kampung, dilakukan secara berterusan – secara berkesinambungan. Hibah, telah Beta titahkan dijadikan tema khutbah Jumaat di semua masjid di negeri Perak, pada minggu hadapan. Setiap Ketua kepada Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan pelbagai agensi di bawah naungan Kerajaan Beta, hendaklah secara bersungguh, menganjurkan program penerangan hibah kepada para anggota dan ahli keluarga di tempat masing-masing. Gerakan menyedarkan dan memperkenalkan ummah mengenai hibah hendaklah disambut oleh semua masjid, surau, pelbagai institusi latihan serta badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan sukarela. Makluman mengenai hibah boleh diuar-uarkan secara lebih luas dengan memperkenalkan slot pendidikan dan soal jawab mengenai hibah di dalam program-program ‘Perak fm’.

11. Orang Besar Jajahan dengan kerjasama Pegawai Tadbir Agama di jajahan masing-masing, hendaklah bertindak aktif, merangka perlaksanaan program hibah di setiap masjid di dalam Jajahan masing-masing. Hendaklah dijadikan sasaran, agar di negeri Perak Darul Ridzuan, akan tercapai indeks sifar masalah, dalam urusan pengagihan harta selepas kematian. Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak bersama Jabatan Agama Islam negeri Perak, hendaklah menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat mengenai hibah di peringkat negeri dan di peringkat daerah serta jajahan; diikuti dengan melatih pegawai-pegawai di semua masjid di negeri Perak, agar memiliki pengetahuan untuk memberi khidmat nasihat yang tepat mengenai hibah kepada ahli kariah masing-masing.

12. Semoga ALLAH Subhanahu Wata’ala memberi petunjuk dan hidayah kepada setiap kita yang telah diamanahkan untuk melaksanakan pelbagai tanggungjawab fardu kifayah. Semoga ALLAH Subhanahu Wata’ala mengurniakan kita kejayaan dalam hasrat dan usaha melaksanakan salah satu tugas fardu kifayah mengenai agihan harta. Semoga usaha hamba-hamba Mu memperkenalkan dan menggalakkan hibah, mendapat keredaan daripada Mu jua Ya ALLAH; Amin Ya Rabul Ala min.

Dengan kalimah Bismillahi Rahmani Rahim, Beta dengan penuh kesyukuran melancarkan Gerakan Kesedaran Hibah Negeri Perak Darul Ridzuan.



MAJLIS PELANCARAN GERAKAN KESEDARAN HIBAH PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) menganjurkan Majlis Pelancaran Gerakan Kesedaran Hibah Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan pada 1 Mac 2018. Majlis Pelancaran ini disempurnakan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Majlis ini dihadiri Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, Anggota-Anggota MAIPk, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Majlis Pelancaran Gerakan Kesedaran Hibah Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan ini diadakan selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 4hb Januari 2018 yang mahukan satu gerakan secara sistematik dilancarkan oleh MAIPk bagi memberi kesedaran kepada rakyat Negeri Perak mengenai kepentingan Hibah di dalam pengurusan harta pusaka orang Islam. DYMM Paduka Seri Sultan antara lain bertitah supaya rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan memberi perhatian khusus kepada perancangan harta pusaka mereka mengikut kaedah hibah supaya ia secara langsung dapat mengurangkan masalah harta pusaka di kalangan orang Islam pada hari ini. Dianggarkan terdapat RM60 bilion nilai harta pusaka orang Islam yang terbku gagal diselesaikan. Melalui gerakan ini, negeri Perak menjadi negeri pertama di Malaysia yang melancarkan projek seumpamanya yang mengesyorkan hibah sebagai satu kaedah dan solusi penyelesaian harta pusaka orang Islam.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Gerakan Kesedaran Hibah ini , pihak MAIPk akan memastikan bahawa usaha memberi penerangan memperkenalkan hibah ini disebar luaskan dan sampai ke seluruh Perak, dengan ini berhak untuk melantik mana-mana pihak yang arif dalam pengurusan harta pusaka dan hibah khususnya, bagi mencapai objektif perlaksanaan kesedaran hibah ini. MAIPk sesungguhnya percaya dalam mencapai hasrat dan objektif perlaksanaan Gerakan Kesedaran Hibah ini, semua pihak hendaklah bersama-sama untuk turut serta tanpa mengehadkan lantikan hanya kepada suatu organisasi sahaja. Pihak-pihak yang akan dilantik ini akan membantu MAIPk dalam melaksanakan program Gerakan Kesedaran Hibah termasuklah menyediakan ceramah, program-program berkaitan Hibah, khidmat nasihat, dokumentasi berkenaan hibah, dan latihan kepada pegawai-pegawai yang terlibat.



MAJLIS PENGANUGERAHAN WATIKAH LANTIKAN AHLI-AHLI MAIPK TAHUN 2018 - 2020

IPOH – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah berkenan untuk melantik ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 4 Januari 2018. Lantikan adalah bagi tempoh selama tiga tahun mulai 01 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020. Pada majlis yang sama juga, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan turut berkenan menerima pembayaran cek-cek zakat perniagaan yang berjumlah RM2.69 Juta daripada beberapa individu dan agensi iaitu YBhg. Dato' Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal RM2,020,300.00, Edgenta Mediserve Sdn. Bhd RM331,371.00, Risda RM242,416.63, Gitn Sdn. Berhad RM93,333.33.

Turut diadakan dalam majlis tersebut ialah Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Pembangunan Dana Wakaf MAIPk dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) yang diadakan di hadapan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Usahasama Pembangunan Dana Wakaf MAIPk dengan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) melibatkan 6 bank ahli persatuan tersebut iaitu Affin Islamic Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia, Bank Kerjasama Rakyat Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan Maybank Islamic Berhad. Bank-bank ini akan menyediakan platfom untuk pengutipan dana wakaf daripada penyumbang melalui saluran-saluran sedia ada. Dana wakaf terkumpul akan diagihkan kepada projek-projek yang menjurus kepada sektor kesihatan, pendidikan dan pemerkasaan ekonomi. Bank-bank ini akan membantu pihak Majlis menjalankan pemasaran dan pelaporan balik projek bagi membina keyakinan penyumbang-penyalur dana wakaf.



SESI BERGAMBAR SEMPENA MAJLIS PENGANUGERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK SESI 2018 - 2020





SENARAI NAMA YANG DIPERTUA, ANGGOTA DAN SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK SESI 2018 - 2020

Yang Dipertua

**YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid
bin Mohd Noordin**

Ex-Officio

YB Dato Drs. Mohd Nizar bin Haji Zakaria
Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak

YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

YB Dato' Rohana binti Abd Malek
Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

YB Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal
Pegawai Kewangan Negeri Perak

**YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani
bin Haji Zakaria**
Mufti Negeri Perak

YAA Dato' Haji As'aari bin Haji Mohd Yazid
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak

YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin
Pengarah Jabatan Agama Islam Perak

Ahli Yang Dilantik

**YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja
Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir bin Wan
Hussain**
Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar

YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zain
Ahli Dewan Negara Perak

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed
Presiden / Ketua Eksekutif
Asia e University

YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

**YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan
Dato' Dr. Afifi al-Akiti**
Felo Pusat Pengajian Islam Oxford Centre For
Islamic Studies, United Kingdom

**YDH Toh Seri Bijaya
Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari**
Orang Besar Jajahan Manjung

YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin bin Kardi
Naib Canselor
Universiti Sultan Azlan Shah

**YABhg. Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd.
Ghani**
Ahli Dewan Negara Perak

**YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad
Tajuddin**
Pengerusi PKEINPK Sdn. Bhd.

YDH CP Dato' Pahlawan Hasnan bin Hassan
Ketua Polis Negeri Perak

**YBhg. Dato' Meor Roslan bin Dato' Seri Haji
Meor Ahmad Rashidi**
Orang Besar Jajahan Hulu Perak

Tuan Haji Mohd Hanid bin Abdullah Sani
Ahli Lembaga Pengarah PKEINPK Sdn. Bhd.

YBrs. Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir
Pensyarah Kolej Komuniti Gerik

Tuan Haji Md Suaid bin Din
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

Profesor Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz
Pensyarah Kulliyyah Undang-Undang Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia

Setiausaha

YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhammed
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

EXECUTIVE TALK YANG DIPERTUA MAIPk 2018

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan *Executive Talk* bersama Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato’ Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin bertempat di Tingkat 2, Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 01 Februari 2018. Tujuan diadakan *Executive Talk* ini sebagai amanat kepada semua pekhidmat MAIPk untuk tahun 2018.

YDP MAIPk dalam ucapannya menekankan Blueprint MAIPk atau Pelan Strategik MAIPk 2016-2021 yang telah dilaksanakan sangat penting kepada semua pekhidmat MAIPk. Pelaksanaan Blueprint ini memerlukan semua pekhidmat MAIPk bersama-sama terlibat dan berusaha dalam mencapai matlamat seperti yang terkandung di dalam Blueprint tersebut. Beliau juga memberi nasihat kepada semua pekhidmat MAIPk supaya memelihara dan menjaga nama baik MAIPk serta mengelak keaiban kerana sekiranya berlaku akan menjelaskan dan mencemarkan nama MAIPk itu sendiri.

YDP MAIPk turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada pekhidmat MAIPk di atas sumbangan di mana telah berjaya dalam mencapai sasaran kutipan zakat pada tahun 2017 serta memenangi Anugerah Zakat Peringkat Kebangsaan (Inovasi Terbaik Kutipan 2016 & Inovasi Terbaik Agihan 2017).

Selain itu, YDP MAIPk turut memberi pujian dan syabas kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato’ Dr. Amiruddin Bin Muhamed, kerana dasar keterbukaan MAIPk kepada pihak luar. Hal ini memberi impak yang positif serta mendapat imej yang baik kepada pihak MAIPk.

Semoga perutusan daripada YDP MAIPk pada tahun 2018 ini dapat memberi lebih semangat kepada pekhidmat MAIPk dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan dengan sempurna serta bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat Pelan Strategik MAIPk 2016-2021.



PUSAT PELUPUSAN AL-QURAN BERTEKNOLOGI TINGGI NEGERI PERAK DI INTIM

IPOH – Negeri Perak kini mempunyai pusat pelupusan Al-Quran pertamanya di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) di Ipoh bagi membolehkan proses pelupusan dijalankan mengikut syariat Islam. Kebuk atau dinamakan sebagai insinirator yang dibina dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Penggerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah Negeri, Dato’ Drs. Mohd Nizar bin Haji Zakaria telah menyempurnakan perasmian pusat pelupusan Al-Quran tersebut berkata, pembuatan kebuk menggunakan teknologi terkini itu mampu menjimatkan masa dan kos pelupusan kerana kos binaan mesin dalam RM30,000 hingga RM40,000 sahaja berbanding sebelum ini menggunakan perkhidmatan syarikat swasta membabitkan kos tinggi sehingga mencecah RM100,000.

Menurut beliau, pihaknya sudah bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi memudahkan kerja pelupusan dijalankan. Kewujudan pusat ini akan memberi kelegaan dan mengurangkan kegusaran umat Islam di negeri Perak untuk melupus al-Quran serta buku agama lama yang ada berkaitan dengan ayat suci.

Pembinaan kebuk ini menggunakan inovasi terkini untuk melupuskan abu Al-Quran secara terkawal yang mampu membuat pembakaran sebanyak 30 kilogram dalam tempoh satu jam secara berperingkat, tanpa mengeluarkan asap, dan abu yang terhasil, dilarutkan terlebih dahulu di dalam air sebelum dilepaskan ke sungai berhampiran. Umat Islam di negeri ini boleh menghantar bahan yang hendak dilupus di pejabat agama di daerah masing-masing atau terus ke lokasi tempat pelupusan di INTIM untuk berjumpa pegawai dan melihat sendiri proses pelupusan dijalankan. Hadir sama Pengarah JAIPk, Dato’ Haji Mohd Yusop bin Haji Husin dan Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM Shah Alam, Razali Hassan.





MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN BINA RUMAH MAYBANK ISLAMIC DENGAN KERJASAMA MAIPk

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan majlis penyampaian bantuan bina rumah di Kg. Cik Zainal Tambahan 1 Chemor pada 21 Februari 2018. Maybank Islamic telah berkerjasama dengan MAIPk dalam memberi sumbangan untuk membina 4 buah rumah. MAIPk berperanan sebagai pelaksana bagi membina rumah tersebut menggunakan spesifikasi rumah MAIPk serta pencarian asnaf yang berkelayakan (fakir dan miskin). Pembinaan 4 buah rumah melibatkan kos berjumlah RM200,000.00 dan membabitkan kos sebanyak RM50,000.00 (Kos rumah : RM46,000.00 dan Kos perabut dan kelengkapan rumah: RM4,000.0) dengan tiga buah rumah dibina di Daerah Ipoh dan sebuah di Daerah Batu Gajah. Semua penerima bantuan bina rumah baharu tersebut disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic ,YBhg. Dato’ Mohamed Rafique Merican dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato’ Dr. Amiruddin Muhammed.



PROGRAM RAMAH MESRA BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI PAUNG, SIMPANG PULAI

SIMPANG PULAI – MAIPk telah mengadakan program ramah mesra Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dato’ Dr. Amiruddin Bin Muhammed bersama masyarakat Orang Asli Paung, Simpang Pulai pada 30 hingga 31 Mac 2018. Kampung Orang Asli Paung merupakan tiga buah kampung kecil di mana ianya didiami 20% penduduk yang beragama Islam dengan sejumlah 16 buah keluarga dan 69 buah keluarga bukan beragama Islam. Penduduk kampung Orang Asli ini menjadi sasaran dan fokus Mubaligh Islam Perak dan Penggerak Masyarakat Orang Asli dalam usaha untuk mendedahkan kefahaman tentang Islam. Program ini juga dilihat membantu menarik masyarakat Orang Asli bagi menambah ilmu pengetahuan mengenai ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Beberapa pengisian program telah dijalankan seperti bicara hati nurani, sembang-sembang KPE MAIPk, sukaneka dan ziarah dakwah mahabbah.



PROGRAM JEJAK ASNAF DAERAH KUALA KANGSAR

KUALA KANGSAR – Bagi menterjemahkan dan memperkasakan keprihatinan MAIPk terhadap golongan-golongan yang tidak bernasib baik, MAIPk sekali lagi telah mengadakan program jejak asnaf di daerah Kuala Kangsar pada 7 Mac 2018. Dalam program jejak asnaf ini MAIPk telah berjaya menyantuni asnaf di Mukim Pulau Kemiri dan Mukim Sungai Siput yang keseluruhannya berjumlah 17 buah keluarga asnaf. Program jejak asnaf tersebut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pembangunan) Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, A.F Ustaz Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar, A.F Ustaz Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd Amin serta warga kerja Bahagian Agihan Zakat dan MAIPk Daerah Kuala Kangsar. Kunjungan pihak MAIPk kali ini lebih menumpukan kepada bantuan bina rumah dan baik pulih rumah untuk diproses kerana ramai dikalangan asnaf yang tinggal di rumah yang sudah uzur dan daif. Pihak MAIPk turut memberikan sumbangan meringankan beban asnaf dengan menyampaikan bantuan barang dapur dan wang belanja.



PROGRAM JEJAK ASNAF DAERAH MANJUNG

MANJUNG – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Program Jejak Asnaf di Mukim Sitiawan, daerah Manjung pada 21 Mac 2018. Program Jejak Asnaf telah menyantuni 5 buah keluarga asnaf di sekitar daerah Manjung. Program ini telah diketuai oleh Pengurus Unit Pembangunan Asnaf, En. Ahamad Muzammil bin Arbain dan Pegawai Baitulmal Daerah Manjung , En. Mohamad Hafizi bin Mohamah Nor serta staf MAIPk ibu pejabat dan daerah. Pihak MAIPk telah mengenalpasti dan meluluskan beberapa bentuk bantuan seperti bantuan bina rumah, bantuan modal untuk peralatan bermiaga, bantuan bulanan sewa rumah , dan bantuan kerusi roda kepada asnaf-asnaf yang telah diziarahi. Selain itu, sumbangan awal kewangan telah disampaikan untuk meringankan beban para asnaf tersebut.





SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



Sumbangan Bantuan Kerusi Roda Kepada Adik Wan Nur Aliya binti Wan Afandi Di Tanjung Malim Pada 8 Januari 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Puan Fauziah Di Kampung Tasek, Ipoh Pada 9 Januari 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Keluarga Puan Azniza binti Abdul Aziz Di Taman Permai, Ipoh Pada 17 Januari 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Encik Mohamed Sa'ad bin Mohamed di Kg. Kepayang, Fair Park, Ipoh Pada 22 Januari 2018



Menziarahi Muallaf Yang Berniaga Kedai Basikal Mohd Rashid bin Abdullah Di Taman Pengkalan Indah, Ipoh Pada 23 Januari 2018



Menziarahi Muallaf Rumah Puan Hartini binti Abdullah Di Taman Wang, Ipoh Pada 23 Januari 2018



Menziarahi Asnaf Bersama OBJ Daerah Manjung Di Batu 8 Lekir, Sitiawan Pada 29 Januari 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Mohd Johary bin Ramli Di Kg. Cik Zainal, Chemor Pada 5 Februari 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Encik Mat Noor bin Ibrahim di Kg. Seri Klebang, Chemor Pada 5 Februari 2018



Sumbangan Bantuan Beras Kepada Warga Pertubuhan Rohingya Society In Malaysia Di Ipoh Pada 24 Januari 2018



Sumbangan Bantuan Perubatan dan Kewangan Kepada Puan Zahrah binti Mat Isa di Taman Chemor Mesra Pada 2 Mac 2018



Sumbangan Bantuan Bencana Mangsa Kebakaran Kepada Pn. Ralidah binti Samsuri Di Ayer Tawar Pada 5 Mac 2018



Sumbangan Bantuan Bencana Mangsa Kebakaran Kepada Puan Kalsombi binti Shahhrul Hamid di RPA 2 Ulu Kinta Pada 26 Mac 2018

PROGRAM HIMPUNAN GRADUASI USAHAWAN ASNAP MAIPK

IPOH – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Program Himpunan Graduasi Usahawan Asnaf MAIPk di Dewan Al-Ghazali pada 11 November 2017. Program ini menghimpunkan para asnaf MAIPk yang telah berjaya dalam Program Pemerksaan Usahawan Asnaf MAIPk yang telah berlangsung selama lapan bulan dari bulan April hingga Disember 2017. Seramai 40 orang peserta telah mengikuti latihan keusahawanan ini telah berjaya menjana dana pendapatan berjumlah RM1.49 Juta berbanding suntikan dana bantuan zakat sebanyak RM400 Ribu. Hal ini merupakan satu pencapaian kepada para peserta program keusahawanan MAIPk.

Selain itu, sejumlah 22 peserta telah layak membayar zakat perniagaan 2017 kepada MAIPk hasil daripada program keusahawanan MAIPk ini. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhammed telah menyempurnakan program himpunan graduasi usahawan ini. Majlis ini turut dihadiri Pengurus Besar Agihan Zakat, A.F Ustaz Bakri bin Lee serta pegawai-pegawai MAIPk.



LEMBAGA TABUNG HAJI SERAH ZAKAT RM3.9 JUTA

IPOH – Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Lembaga Tabung Haji telah diadakan di Dewan Persidangan Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 28 Februari 2018. Lembaga Tabung Haji telah melaksanakan pembayaran Zakat Perniagaan bagi tahun kewangan 2017. Tuan Haji Rozimin bin Ahamed Kamil, Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Perak telah menyerahkan cek Zakat Perniagaan tersebut berjumlah RM3,967,179.16 kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhammed. Semoga dengan penyerahan cek Zakat Perniagaan ini organisasi dan perniagaan pihak Lembaga Tabung Haji terus berkembang maju dan golongan asnaf akan dapat terus dibela.





PROGRAM WAQAF PERAK AR-RIDZUAN KEPADA GURU-GURU MATEMATIK

TELUK INTAN – MAIPk dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk, telah mengadakan satu bengkel “Creativity In Mathematics Education” di bawah Wakaf Ilmu Program MUMTAZ, Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) di Dewan Cempaka, Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak pada 28 Mac 2018. Seramai 37 peserta terlibat dalam bengkel ini dengan penglibatan guru-guru matapelajaran Matematik Tingkatan 1 Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk di samping kehadiran pegawai-pegawai daripada Pejabat Pendidikan Daerah.

Program ini dikendalikan oleh Pakar Matematik yang terkenal, Puan Teoh Poh Yew daripada Creative Wizard Sdn. Bhd. dan ianya merupakan program kedua yang dijalankan bersama Puan Teoh setelah program pertama yang dijalankan pada bulan Ogos 2017 untuk guru-guru tingkatan 1 Daerah Kinta Utara, mendapat sambutan yang baik.

Bengkel ini bermatlamat memberi pendedahan kepada guru-guru berkaitan kaedah pengajaran mata pelajaran Matematik yang lebih berkesan untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut bersesuaian dengan abad ke-21 ini dimana para guru ditugaskan untuk mendidik dan mengajar murid mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan juga cara untuk berfikir secara kreatif dan kritis.



MAJLIS AGIHAN WAKAF SARAAN

IPOH – Mufti Kerajaan Negeri Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Harussani bin Hj. Zakaria bersama Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhammed telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Agihan Wakaf Saraan kepada penerima manfaat bertempat di Dewan Al-Ghazali, Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 20 Februari 2018. Majlis dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) sebagai pemegang amanah harta wakaf di Negeri Perak.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhammed memaklumkan Majlis Agihan wakaf saraan ini melibatkan 31 penerima manfaat dengan jumlah keseluruhan agihan berjumlah RM299,952.05. Penerima-penerima manfaat ini adalah merupakan jawatankuasa yang dilantik bagi menguruskan Masjid, Surau, Tanah Perkuburan dan Institusi Pendidikan di kawasan kariah masing-masing.

Turut dimaklumkan bahawa, hasil wakaf saraan ini melibatkan hasil sewaan yang diterima daripada bulan Oktober 2017 sehingga bulan Disember 2017 dan ia merupakan agihan kali ke-4 bagi tahun 2017. Namun begitu terdapat sebahagian daripada penerima hari ini merupakan kali pertama menerima hasil wakaf saraan.

Melihat kepada majlis yang berlangsung pada hari ini, telah menunjukkan salah satu objektif utama ibadah wakaf telah dilaksanakan dengan jayanya iaitu dengan berwakaf segala manfaat dan keuntungan hasil dari aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan dapat diagihkan semula kepada umat Islam.





BERITA SANA SINI



PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-202
PADA 4 JANUARI 2018



PERHIMPUNAN KONTRAKTOR G1 & UNDIAN GILIRAN
BANTUAN BINA DAN BAIKPULIH RUMAH DI DEWAN
AL GHAZALI PADA 18 JANUARI 2018



PROGRAM MOTIVASI RESET MINDA ASNAF DI TAIPING
PADA 20 FEBRUARI 2018



TAKLIMAT ZAKAT PENDAPATAN & POTONGAN GAJI DI
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KAMPAR
PADA 28 FEBRUARI 2018



TAKLIMAT ZAKAT PENDAPATAN KEPADA PEGAWAI SERTA
KAKITANGAN TLDM LUMUT PADA 9 MAC 2018



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KERUSI RODA &
MYKAD PESAKIT DI WAD PSIKOGIATERIK HOSPITAL
BAHAGIA ULU KINTA PADA 22 MAC 2018



PROGRAM DERMASISWA TAKLIMAT KHAS PELAJAR
TAJAN / PERSENDIRIAN KE TIMUR TENGAH DI IPOH
PADA 24 MAC 2018



PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-203
PADA 30 MAC 2018



Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

PERTAMA

Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.

KEDUA

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50%, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain;

KETIGA

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta hak milik kamu, kami telah tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

KEEMPAT

Kamikekalkan dan kami jamin kerajaan dan kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini;

KELIMA

Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan;

KEENAM

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU; dan

KETUJUH

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

AGIHAN WAKAF SARAAN

Agihan Pertama
APRIL
Hasil sehingga 31 Mac setiap tahun

1

Agihan Kedua

JULAI

Hasil sehingga 30 Jun setiap tahun

2

Agihan Ketiga

OKTOBER

Hasil sehingga 30 September setiap tahun

3

Agihan Keempat

JANUARI

Hasil sehingga 31 Disember setiap tahun

4

Rajah 1: Jadual agihan dana wakaf saraan

Rajah 2: Agihan Wakaf Saraan 2017



Rajah 3: Jenis Sewaan / Pajakan Wakaf Saraan



Penghargaan

Kepada Rakan Setia Korporat MAIPk Kerana Membantu Memartabatkan Institusi Zakat Untuk Kemaslahatan Masyarakat Islam Di Negeri Perak



AFFIN HWANG
CAPITAL

AmBank Islamic

ASNB

Amanah Saham Nasional Berhad



BANK RAKYAT
بَيْعَةٌ، عِيَّادَةٌ

Bank Muamalat بناءً معاً

BANK ISLAM

DRB-HICOM



KPJ IPOH
SPECIALIST HOSPITAL

MALAYSIA AIRPORTS

PUNE



UniKL

UNIVERSITI
KUALA LUMPUR



PUBLIC ISLAMIC BANK

AGRO BANK
Sentiasa di sisi Anda

BSN

CIDB
MALAYSIA

BPMB
Malaysia Development Bank

eTiqa
Takaful

GIIA

HSBC
Amanah

moccis
LADANG MOCCIS SDN. BHD.

Maybank
Islamic

Maybank
Investment Bank

PNB

Permodalan Nasional Berhad

QSR TRADING

ANGKASA

**TENAGA
NASIONAL**

NAFAS
نَفَسٌ قَلَدَعَ كَبْغَسَانٌ



MBSB

FELCRA
Berhad

SME
BANK

KUMPULAN
Perniagaan. Kemajuan. Untuk selamanya.

JOHAWAKI

KFC

BERNAS

POS
MALAYSIA

TM

LEMBAGA AIR PERAK

RISDA
LEMBAGA BERKURUSHA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHLAN GEMILANG NEGERI PERAK

TAKAFULmalaysia

TABUNG HAJI
جِعَلُ الْفَلَاح

RHB
Islamic Bank

MB INC.
PERBADANAN MENTERI BESAR PERAK